



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SITUASI CAMPUR KOD DALAM KOMUNIKASI MASYARAKAT IBAN DI SARAWAK

CORELLA ANAK STEPHEN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Objektif kajian ini ialah untuk menyelidiki situasi campur kod masyarakat Iban di Sarawak, daripada aspek tahap kekerapannya, faktor dominan yang mendorong situasi campur kod dan fungsi campur kod, kesignifikanan tahap akademik dengan situasi campur kod dan perbezaan yang signifikan dalam tahap campur kod masyarakat Iban yang berbeza aliran pendidikannya. Kajian ini berlandaskan Teori Monitor yang diperkenalkan oleh Stephen Krashen sekitar tahun 1970-an. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, dan data kajian diperoleh melalui teknik rakaman spontan dan soal selidik. Responden kajian seramai 1035 orang dan 14 kumpulan yang terdiri daripada individu dan kelompok masyarakat Iban yang berpendidikan Inggeris dan berpendidikan Melayu. Saiz sampel kajian ditentukan berdasarkan jadual Krejcie & Morgan dan juga menggunakan persampelan mudah. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif serta melibatkan ujian-t dan ujian korelasi Pearson untuk mencapai ketepatan maklumat dan hasil jangkaan. Dapatan kajian menunjukkan tahap kekerapan campur kod dalam komunikasi masyarakat Iban adalah bergantung kepada topik perbualan. Situasi campur kod dalam komunikasi masyarakat Iban didorong oleh faktor-faktor dominan yang diwakili oleh akronim 'KOMUNIKASI' dan berfungsi sebagai suatu strategi komunikasi masyarakat Iban. Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap akademik dengan situasi campur kod bahasa Iban. Dapatan kajian juga membuktikan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap campur kod masyarakat Iban yang berbeza aliran pendidikan. Kesimpulannya, situasi campur kod dalam komunikasi masyarakat Iban masih dalam keadaan yang terkawal. Kajian menunjukkan situasi campur kod dalam komunikasi masyarakat Iban ini mampu membawa perkembangan yang positif kepada bahasanya jika dilakukan dengan tujuan yang positif. Implikasinya, penyesuaian bahasa dengan tujuan memperkaya ilmu, kebudayaan dan pemikiran bangsa perlu dilakukan untuk menjadi bahasa yang dinamik.





CODE-MIXING SITUATIONS AMONG THE IBAN COMMUNITY IN SARAWAK

ABSTRACT

The objective of this research is to investigate the code-mixing practices among the Iban community in Sarawak with reference to the frequency of use, the domain that leads to code-mixing and its functions, the significance of the level of education of its people to code-mixing and the significant differences of code-mixing used based on the different medium of educational instructions. This research is based on the Monitor Theory by Stephen Krashen of the seventies. Quantitative approach is used in this research and the research data are collected through spontaneous recordings and questionnaires. The research respondents comprised 1035 individuals and 14 groups from the Iban community who were educated using either English or Malay as the language of instruction. The sample size is based on Krejcie & Morgan as well as convenient sampling. The data will be analysed using descriptive analysis which includes T-test and the Pearson correlation test to achieve information validity as well as the anticipated outcomes. The research outcomes showed that the levels of code-mixing frequency in the Iban community communication is based on the topic of discussion. Code-mixing in the Iban community communication is driven by the domain factors that represents the acronym 'KOMUNIKASI' and it serves as a communication strategy in the Iban community. The Pearson correlation analysis demonstrated the significant relationship between the levels of education to the Iban language code-mixing practices. The research outcomes also showed that there is no significant difference in the levels of code-mixing among those from the different medium of educational instructions. In conclusion, code-mixing in communication among the Iban community is still very much under control. The research showed that code-mixing in the Iban community communication is able to bring positive impact to the language when used with positive intentions. A major implication of the study is that language adaptations with the purpose of knowledge, culture and thinking enrichment of the community should be practised to ensure development of a dynamic language.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	xii

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Asal Usul Bahasa Iban	7
1.3	Pelaksanaan Pendidikan Bahasa Iban di Sarawak	9
1.4	Perbezaan Penyerapan dan Peminjaman Perkataan dengan Situasi Campur Kod dalam Bahasa Iban	12
1.5	Penyataan Masalah	15
1.6	Objektif Kajian	20
1.7	Soalan Kajian	20
1.8	Kerangka Teori	21
1.8.1	Teori Monitor	21
	1.8.1.1 Proses-Proses Dalaman	22



1.8.2	Kerangka Konsep	24
1.8.3	Model Campur Kod Iban	24
1.9	Kepentingan Kajian	29
1.10	Batasan Kajian	31
1.11	Definisi Operasional	31
1.11.1	Situasi	32
1.11.2	Kod	32
1.11.3	Campur Kod	33
1.11.4	Masyarakat Iban	34
1.11.5	Komunikasi	35
1.11.6	KOMUNIKASI	35
1.12	Rumusan	36
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR		
2.1	Pengenalan	38
2.2	Teori Pemerolehan dan Pembelajaran Bahasa Kedua	39
2.3	Model Percampuran Kod	49
2.3.1	Model Woolford	50
2.3.2	Model Bokamba	55
2.4	Teori Komunikasi	59
2.5	Percampuran Kod	64
2.6	Peralihan dan Penukaran Kod	69
2.7	Persamaan Campur Kod dengan Istilah-Istilah Lain	71
2.8	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Campur Kod	76
2.8.1	Kajian Percampuran Kod dari Aspek Kekerapan, Faktor-Faktor Mempengaruhi dan Fungsi Campur Kod di Malaysia	77

2.8.2	Kajian Percampuran Kod di Luar Negara	85
2.9	Rumusan	94
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	96
3.2	Reka Bentuk Kajian	97
3.3	Populasi dan Persampelan	100
3.4	Instrumen Kajian	103
3.4.1	Pita Rakaman	104
3.4.2	Soal Selidik	105
3.5	Kajian Rintis	120
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	122
3.7	Penganalisan Data	126
3.7.1	Analisis Data Kuantitatif	127
3.7.2	Analisis Data Kualitatif	130
3.8	Rumusan	131
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	133
4.2	Latar Belakang Responden Soal Selidik	134
4.3	Transkripsi Topik-Topik Rakaman	136
4.4	Kekerapan Situasi Campur Kod dalam Bahasa Iban	138
4.5	Faktor-Faktor dan Fungsi yang Mempengaruhi Situasi Campur Kod dalam Bahasa Iban	148
4.6	Hubungan yang Signifikan antara Tahap Akademik dengan Situasi Campur Kod Bahasa Iban	172
4.7	Perbezaan yang Signifikan dalam Tahap Campur Kod Masyarakat Iban yang Berpendidikan Inggeris dengan Masyarakat Iban yang Berpendidikan Melayu	173

4.8	Rumusan	174
-----	---------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	176
-----	------------	-----

5.2	Perbincangan	177
-----	--------------	-----

5.2.1	Profil Responden	177
-------	------------------	-----

5.2.2	Tahap Kekerapan Situasi Campur Kod dalam Bahasa Iban	177
-------	--	-----

5.2.2.1	Perbandingan Situasi Campur Kod Masyarakat Iban dengan Kajian Lepas	178
---------	---	-----

5.2.3	Perkaitan Model Campur Kod Iban, Model Woolford dan Model Bokamba dengan Faktor dan Fungsi yang Mempengaruhi Situasi Campur Kod Bahasa Iban	181
-------	---	-----

5.2.3.1	Perkaitan Model Campur Kod Iban dengan Faktor dan Fungsi yang Mempengaruhi Situasi Campur Kod Bahasa Iban	182
---------	---	-----

5.2.3.2	Perkaitan Model Woolford dengan Faktor dan Fungsi yang Mempengaruhi Situasi Campur Kod Bahasa Iban	183
---------	--	-----

5.2.3.3	Perkaitan Model Bokamba dengan Faktor dan Fungsi yang Mempengaruhi Situasi Campur Kod Bahasa Iban	185
---------	---	-----

5.2.4	Rumusan	188
-------	---------	-----

5.3	Kesimpulan	189
-----	------------	-----

5.3.1	Implikasi	192
-------	-----------	-----

5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	194
-----	--------------------------	-----

RUJUKAN		196
----------------	--	-----

LAMPIRAN

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Jumlah Peserta Sesi Rakaman	101
3.2	Anggaran Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik Sarawak, 2010	102
3.3	Pemilihan Kekerapan Setuju	106
3.4	Kebolehpercayaan Mengikut Bahagian	107
3.5	Pemetaan Item Soal Selidik dengan Akronim KOMUNIKASI	116
3.6	Pemetaan Item Soal Selidik dengan Fungsi Campur Kod	119
3.7	Peraturan Umum Pekali Saiz Cronbach's Alpha	120
3.8	Kebolehpercayaan Item Mengikut Bahagian dalam Kajian Rintis	122
3.9	Taburan Penerimaan Borang Soal Selidik Mengikut Bahagian	124
3.10	Tempat Rakaman Dijalankan	125
3.11	Garis Panduan Bagi Skor Min	128
3.12	Nilai Pekali Korelasi Pearson r dan Tafsirannya	129
3.13	Analisis Data Kuantitatif Berdasarkan Soalan Kajian	130
4.1	Profil Responden Berdasarkan Soal Selidik Mengikut Jantina, Umur, Akademik dan Aliran Pendidikan	135
4.2	Transkripsi Rakaman Berdasarkan Topik	137
4.3	Data Rakaman Campur Kod Kekerapan Tinggi	138
4.4	Data Rakaman Campur Kod Kekerapan Rendah	139
4.5	Istilah dalam Kegiatan Berhuma	140
4.6	Analisis Kekerapan Campur Kod dalam Komunikasi Masyarakat Iban	142
4.7	Fungsi Campur Kod dalam Pertuturan	146
4.8	Ayat Bercampur Kod	147





4.9	Faktor-Faktor yang Mendorong Situasi Campur Kod Bahasa Iban	150
4.10	Situasi Campur Kod Masyarakat Iban Berdasarkan Data Rakaman	154
4.11	Tahap Pendidikan dan Aliran Pendidikan Responden	156
4.12	Amalan Campur Kod dalam Perbualan	158
4.13	Istilah Bahasa Lain dalam Pertuturan Bahasa Iban	160
4.14	Data Rakaman Tentang Ungkapan yang Panjang	161
4.15	Data Rakaman Tentang Ketepatan Mesej	162
4.16	Persamaan Faktor Campur Kod Masyarakat Iban dengan Kajian Suraiya Alam	163
4.17	Persamaan Faktor Campur Kod Masyarakat Iban dengan Kajian Nik Safiah Karim	166
4.18	Persamaan Faktor Campur Kod Masyarakat Iban dengan Kajian Rubin	167
4.19	Situasi Campur Kod Satu Strategi Komunikasi Masyarakat Iban	169
4.20	Hubungan Antara Tahap Akademik Dengan Situasi Campur Kod Bahasa Iban	172
4.21	Perbezaan Yang Signifikan Dalam Tahap Campur Kod Antara Dua Aliran	173



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Proses-proses dalaman. Dipadankan daripada Dulay, Burt dan Krashen, 1982	22
1.2 Model Campur Kod Iban	25
1.3 Perlakuan Campur Kod dalam Proses Aplikasi	27
2.1 Tatabahasa Penutur Dwibahasa. Dipadankan daripada Woolford, 1983	51
2.2 Tatabahasa Penutur Dwibahasa yang Bercampur Kod. Dipadankan daripada Bokamba, 1988	56
2.3 Persamaan Langkah-Langkah Percampuran Kod Dalam Model Bokamba Dan Model Campur Kod Iban	59
2.4 Persamaan Istilah Dalam Campur Kod	76
3.1 Reka Bentuk Kajian	99
3.2 Peratusan Taburan Penerimaan Borang Soal Selidik	103
3.3 Model KOMUNIKASI	108
3.4 Faktor Kecekapan Berbahasa	109
3.5 Faktor Orang	109
3.6 Faktor Minat	110
3.7 Faktor Ungkapan yang Panjang	111
3.8 Faktor Niat	111
3.9 Faktor Implikasi Pembelajaran	112
3.10 Faktor Kefahaman Mesej	113
3.11 Faktor Amalan	113
3.12 Faktor Situasi	114



3.13	Faktor Istilah	115
3.14	Fungsi Campur Kod	117
3.15	Prosedur menganalisis data berturutan dalam <i>Explanatory Design</i> . Diadaptasi daripada Creswell dan Clark, 2007	126
4.1	Faktor Campur Kod	149





SENARAI SINGKATAN

B1	Bahasa Pertama
B2	Bahasa Kedua
CK	Campur Kod
AK	Alih Kod
AAVE	<i>African American Vernacular English</i>
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B1 Faktor Campur Kod Dalam Komunikasi Masyarakat Iban
- B2 Transkripsi Rakaman 1
- B3 Transkripsi Rakaman 2
- B4 Transkripsi Rakaman 3
- B5 Transkripsi Rakaman 4
- B6 Transkripsi Rakaman 5
- B7 Transkripsi Rakaman 6
- B8 Transkripsi Rakaman 7
- B9 Transkripsi Rakaman 8
- B10 Transkripsi Rakaman 9
- B11 Transkripsi Rakaman 10
- B12 Transkripsi Rakaman 11
- B13 Transkripsi Rakaman 12
- B14 Transkripsi Rakaman 13
- B15 Transkripsi Rakaman 14
- C Gambar Informan
- D1 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik dalam Kajian Rintis (Maklumat Bahasa)
- D2 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik dalam Kajian Rintis (Campur Kod dalam Pertuturan)
- D3 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik dalam Kajian Rintis (Fungsi Campur Kod)





- D4 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik dalam Kajian Rintis (Strategi Campur Kod)
- E1 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Kajian
- E2 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Mengikut Bahagian (Maklumat Bahasa)
- E3 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Mengikut Bahagian (Campur Kod dalam Pertuturan)
- E4 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Mengikut Bahagian (Fungsi Campur Kod)
- E5 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Mengikut Bahagian (Strategi Komunikasi)
- F Skor Min Kekerapan Campur Kod
- G Skor Min Fungsi Campur Kod
- H Skor Min Faktor-Faktor yang Mendorong Situasi Campur Kod
- I Skor Min Situasi Campur Kod Satu Strategi Komunikasi
- J Hubungan Tahap Akademik dengan Situasi Campur Kod
- K Perbezaan yang Signifikan dalam Tahap Campur Kod antara Dua Aliran
- L Jadual Sampel Krejcie & Morgan 1970
- M1 Peta Negeri Sarawak mengikut Bahagian
- M2 Peta Negeri Sarawak mengikut Daerah





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Sarawak adalah salah sebuah negeri dalam Malaysia yang memiliki keluasan kawasan yang terbesar, dengan jumlah bahasa yang dituturkan oleh penduduknya antara 30 hingga 40 buah bahasa. Antara bahasa yang dituturkan terdiri daripada bahasa Melayu, dan bahasa-bahasa suku kaum seperti bahasa Iban, Bidayuh, Penan, Kelabit, dialek Melayu Sarawak, Kedayan, Kenyah, Melanau dan lain-lain, termasuk bahasa Cina. Menurut Asmah (2004), penduduk-penduduk di seluruh negeri Sarawak bertutur menggunakan bahasa-bahasa tersebut. Menurut beliau lagi, bahasa Iban yang dikenali sebagai Malayik (*Malayic*) ialah bahasa suku kaum yang terbesar di negeri ini. Subkelompok Malayik mewakili bahasa-bahasa yang memperlihatkan banyak persamaan dengan bahasa Melayu, antaranya ialah bahasa Melayu, Iban, Selakau, Minangkabau dan Serawai, yang memiliki persamaan dalam aspek-aspek seperti





sistem bunyi, sistem nahu dan perbendaharaan kata. Dalam kalangan kumpulan etnolinguistik yang terdiri daripada hampir setengah juta penutur, bahasa Iban ialah bahasa yang paling dominan. Sebagaimana bahasa Melayu, bahasa Selakau, bahasa Bidayuh, Melanau, Kajang, Kayan, Kelabit, Kenyah, Penan, Miri dan Bintulu, bahasa Iban turut digolongkan sebagai Malayik.

Asmah (2004) turut menyatakan bahawa kebanyakan penduduk Sarawak menguasai bahasa masyarakat peribumi yang lain sebagaimana mereka menguasai bahasa pertama mereka. Pelbagai faktor yang menyebabkan masyarakat di negeri Sarawak menguasai bahasa-bahasa tersebut dengan baik, antaranya adalah keakraban hubungan, persamaan amalan cara hidup dan budaya yang hampir sama dalam kalangan masyarakat ini.



Pergaulan dan kehidupan sehari-hari suku kaum di negeri Sarawak melalui pekerjaan, jual-beli, pendidikan dan aktiviti kemasyarakatan menyebabkan hubungan antara suku kaum ini sangat rapat dan sentiasa terjalin sesama mereka dalam menjalankan kehidupan sehari-hari. Situasi sebeginilah yang secara tidak langsung menyebabkan berlakunya percampuran bahasa yang digunakan dalam pertuturan seharian mereka.

Fasold (1984) menyatakan bahawa hal pertama yang kita fikirkan apabila kita memikirkan bahasa adalah “bahasa keseluruhan” (*whole languages*) atau *multilingual*, mengujarkan dua bahasa atau lebih dan harus menetapkan yang mana perlu digunakan. Tiga jenis pilihan yang dapat dilakukan, pertama alih kod, iaitu menggunakan satu bahasa pada satu keperluan, dan menggunakan satu bahasa yang





lain pada keperluan lain. Kedua ialah campur kod, iaitu menggunakan satu bahasa tertentu dengan dicampuri serpihan-serpihan dari bahasa lain. Ketiga, dengan memilih satu variasi bahasa yang sama.

Latar belakang penduduk Sarawak yang mengetahui tiga atau empat bahasa menunjukkan bahawa situasi campur kod sememangnya telah berlaku dalam pertuturan seharian mereka. Situasi campur kod semakin mewarnai pertuturan seharian mereka dengan wujudnya sistem pendidikan, iaitu melalui pembelajaran bahasa kedua (B2), khasnya bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di sekolah. Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan pada awalnya, dan diikuti oleh bahasa Melayu pada era seterusnya, telah menyebabkan penduduk-penduduk di Sarawak yang mendapat pendidikan ini menguasai kedua-dua bahasa tersebut dengan baik. Justeru, campur aduk antara bahasa ibunda (B1) dengan bahasa kedua yang telah mereka pelajari secara formal, semakin kerap berlaku dalam pertuturan mereka. Lantas, kajian harus dijalankan untuk mengetahui tahap kekerapan campur kod dalam pertuturan masyarakat Iban. Selain itu, faktor-faktor lain yang dominan dalam mempengaruhi situasi campur kod serta fungsi campur kod dilakukan dalam pertuturan masyarakat Iban perlu dikenal pasti.

Tiga tahap penguasaan bahasa kedua menurut Platt dan Platt (1980:14) ialah basilek, mesolek dan akrolek. Tahap penguasaan bahasa kedua yang paling rendah dikenali sebagai basilek, dan biasanya dituturkan oleh golongan berpendidikan rendah. Penguasaan bahasa kedua pada tahap sederhana yang dituturkan oleh golongan yang berpendidikan sederhana dikenali sebagai mesolek. Tahap penguasaan bahasa kedua yang tinggi dan dituturkan oleh golongan yang berpendidikan tinggi dikenali sebagai akrolek.





Percampuran kod merujuk kepada situasi seseorang penutur yang menguasai lebih daripada satu bahasa, dan mencampuradukkan penggunaan bahasa atau dialek yang berbeza, yang telah dikuasainya, dalam pertuturannya. Situasi ini amat ketara di Malaysia lantaran wujudnya masyarakat majmuk yang semestinya memiliki bahasa dan dialeknya yang tersendiri. Penutur yang mengetahui lebih daripada satu bahasa, yakni penutur ini ialah dwibahasa atau bilingualisme, menggunakan dua atau lebih bahasa dalam pertuturan sehariannya, dianggap telah melakukan percampuran kod dalam pertuturannya. Penutur menggunakan bahasa-bahasa ini untuk berkomunikasi dengan masyarakat di sekitarnya, dan penggunaan bahasa-bahasa atau dialek-dialek yang dikuasainya secara bertukar ganti telah mewujudkan situasi campur kod.

Perbincangan mengenai penukaran kod, perubahan kod, percampuran bahasa dan kadang-kadang perpindahan kod sememangnya sinonim dengan istilah percampuran kod. Istilah-istilah ini muncul secara tekal dalam perpustakaan professional dan sering menjadi topik perbincangan yang hangat dalam kalangan para sarjana. Semua istilah tersebut adalah hakikat bahasa bagi sesetengah penutur yang fasih dalam dua ataupun lebih banyak bahasa. Lazimnya mereka menggunakan kemahiran dwibahasa itu dalam pertuturan mereka, yang melibatkan bahasa ibunda penutur dan bahasa kedua, iaitu bahasa yang diperolehi ketika remaja atau dewasa, dan mengaplikasikannya untuk menyampaikan mesej, terutamanya dalam perhubungan seharian yang santai. Percampuran bahasa adalah istilah yang sesuai untuk merujuk kepada pemilihan bahasa dalam menghasilkan sesebuah ayat, manakala perubahan kod dan percampuran kod adalah istilah umum dan tidak merujuk kepada mana-mana jenis penukaran kod yang khusus (Bokamba, 1988).





Jendra (1988) berpendapat bahawa kod biasanya disamakan dengan bahasa, gaya bahasa dan variasi bahasa. Boleh dikatakan bahawa kod ialah satu sistem pertuturan yang menerapkan unsur-unsur bahasa yang mempunyai ciri-ciri khas yang sesuai dengan latar belakang penutur dan konteks pertuturan. Jadi, percampuran kod adalah salah satu cara penggunaan bahasa, di mana terdapat percampuran kod atau kombinasi antara bahasa-bahasa yang berbeza dalam satu ayat yang sama. Dalam kata lain, percampuran kod boleh dikatakan sebagai fenomena bahasa yang bercampur aduk di antara sesuatu bahasa ibunda dengan bahasa asing.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini pengkaji berpendapat sama ada penggunaan dua atau lebih ragam bahasa dalam perbualan yang sama, campur kod dalam ayat (*intrasentensial*) atau antara ayat (*intersentensial*), penyelitan item leksikal tunggal, penyelitan unit tatabahasa mahupun penyelitan ayat yang dinamakan sebagai penukaran kod, peralihan kod, perpindahan kod dan seumpamanya, kesemuanya pengkaji rangkumkan dengan istilah campur kod sahaja. Pengkaji tidak membeza-bezakan aktiviti bahasa ini sebagaimana yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu.

Keragaman atau variasi bahasa wujud disebabkan oleh kewujudan aktiviti interaksi sosial yang dijalankan oleh komuniti bahasa yang sangat pelbagai. Kewujudan variasi bahasa ini akibat adanya keragaman sosial penutur bahasa itu dan keragaman fungsi bahasa itu. Kewujudan variasi bahasa itu untuk memenuhi fungsinya sebagai alat interaksi dalam kegiatan masyarakat yang beraneka ragam. Keragaman bahasa inilah yang akan membentuk situasi campur kod dalam sesuatu bahasa. Campur kod adalah dua kod atau lebih digunakan bersama tanpa alasan, dan biasanya terjadi dalam situasi santai (Chaer, 1994: 69).





Keragaman bahasa turut dialami oleh bahasa Iban, sehingga wujudlah situasi campur kod dalam bahasa Iban. Amalan yang mencampuradukkan bahasa Iban dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ini seolah-olah sudah menjadi budaya penutur jati bahasa Iban dewasa ini. Meskipun situasi berbahasa ini mampu membawa perkembangan positif ke dalam masyarakat Iban itu sendiri, namun pertimbangan yang sewajarnya harus diambil agar keaslian bahasa itu sendiri masih terpelihara. Proses penyerapan beberapa perkataan bahasa lain ke dalam bahasa Iban untuk mengatasi masalah peristilahan, tidak dianggap sebagai mencemar keaslian bahasa Iban. Jumlah perkataan yang terhad ini memerlukan penggunaan bahasa lain, terutamanya ketika membincangkan topik-topik tertentu. Pengekalan dari aspek fonologi, morfologi (selain istilah tertentu) dan semantik bahasa Iban dalam pertuturan seharian masyarakat Iban menjamin keaslian bahasa Iban terpelihara.



Mohammed Azlan Mis (2010) menyatakan bahawa faktor sejarah secara tidak langsung telah memainkan peranannya dalam situasi ini. Faktor sejarah memperlihatkan bahawa perdagangan telah mampu membina hubungan antara kaum-kaum yang terlibat. Suku kaum Melayu dengan suku kaum Iban telah membentuk satu kerjasama dan hubungan yang baik melalui perdagangan barangan keperluan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, kraftangan dan sebagainya, sejak dari zaman dahulu. Kegiatan perdagangan ini telah memberi kesan yang mendalam kepada bahasa-bahasa yang dipilih dan digunakan oleh mereka dalam kehidupan harian. Secara tidak langsung, peristiwa sejarah yang melibatkan suku kaum Melayu dan Iban ini juga telah mempengaruhi bahasa yang digunakan setiap hari sehingga sekarang, dan tidak hairanlah jika terdapat amalan campur aduk bahasa Iban dengan bahasa Melayu dalam pertuturan masyarakat Iban dewasa ini.





1.2 Asal usul Bahasa Iban

Rumpun Austronesia dapat dibahagikan kepada empat keluarga besar, iaitu Indonesia, Melanesia, Mikronesia dan Polinesia. Asmah (1989) mengutarakan pendapat bahawa bahasa Melayu dan bahasa Iban dikatakan menganggotai rumpun Austronesia, iaitu rumpun yang diwakili oleh anggota-anggota bahasa yang tersebar dari kawasan pergunungan Taiwan di utara hingga ke New Zealand di selatan, dan Madagaskar di Barat hingga ke Kepulauan Easter di Timur. Bahasa Melayu dan bahasa Iban termasuk ke dalam keluarga Indonesia. Beliau juga turut mengemukakan bahawa tanah asal usul orang Melayu dan orang Iban ialah di Sumatera Barat. Apabila agama Islam tersebar di Sumatera Barat, seolah-olah agama ini ‘mengganggu’ cara hidup orang-orang Iban sehingga mereka bermigrasi ke Borneo. Akibat faktor migrasi



inilah bahasa Iban yang pada awalnya berstatus dialek Melayu, berkembang untuk menjadi satu bahasa yang otonom, iaitu bahasa yang mampu berdiri sendiri dan dikenali sebagai satu bahasa, tetapi mempunyai hubungan yang rapat dengan bahasa Melayu. Perbandingan secara leksikostatistik menunjukkan bahawa bahasa Iban dengan bahasa Melayu mempunyai perhubungan yang agak ketara. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, bahasa Iban dengan bahasa Melayu mempunyai 63% berkognat (berkaitan) berbanding hanya 35% untuk bahasa Jawa. Dalam kajian sarjana linguistik, bahasa Iban adalah cabang dalam rumpun Austronesia. Bahasa yang sudah berkembang lebih kurang 1000 tahun ini sememangnya serumpun dengan bahasa Melayu, tetapi tetap memiliki ciri-ciri dan kekuatan tersendiri berteraskan terminologi serta kekukuhan kepercayaan, adat dan perundangan kaum Iban (Asmah, 2008).





Pringle (2010) mendapati budaya hidup kaum Iban lebih seragam berbanding etnik lain di Sarawak, khasnya dari aspek bahasa. Etnik-etnik lain seperti Bidayuh, Kayan, Kenyah dan Melanau mempunyai pelbagai dialek, dan tidak difahami oleh etnik yang sama. Namun, dua orang kaum Iban yang datang dari daerah yang berbeza di Sarawak boleh memahami bahasa satu sama lain, dan yang mungkin sedikit berbeza adalah loghatnya. Menurut beliau lagi, sebelum pemerintahan Brooke, kaum Iban memperkenalkan diri mereka sebagai *kami Skrang*, *kami Undup* atau *kami menua*. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kaum-kaum Iban ini tinggal berasingan dan membina penempatan mengikut kawasan masing-masing, yang telah dibahagikan mengikut sungai-sungai, namun dari aspek bahasa, mereka masih saling memahami dan menggunakan bahasa yang sama. Perkara tersebut menjelaskan bahawa bahasa Iban ini bersifat homogenous atau seragam. Pernyataan Freeman (1981) yang menjelaskan bahawa bahasa Iban telah mempunyai sejarah perkembangan dan ketulenan lebih 5000 tahun yang lampau, jelas menunjukkan bahawa bahasa Iban sememangnya memiliki ketulenan, dan dapat dibuktikan melalui penggunaan istilah-istilah apabila digunakan dalam banyak soal kehidupan mereka.

Justeru, pengkaji berpendapat bahawa dalam aspek etimologi, memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat persamaan antara bahasa Iban dan bahasa Melayu. Persamaan dalam kedua-dua bahasa ini wujud disebabkan oleh beberapa faktor seperti persamaan secara kebetulan. Perkataan *wet* misalannya, terdapat dalam bahasa Jerman dan Zuni. Persamaan melalui pinjaman pula, misalnya dalam bahasa Jerman dan bahasa Inggeris masing-masing mempunyai perkataan *rouge*, yang dipinjam daripada perkataan Perancis, dan seterusnya persamaan melalui warisan langsung (Hockett, 1958:486). Persamaan yang terhasil daripada faktor warisan langsung





menimbulkan ciri-ciri kekognatan antara bahasa-bahasa ini. Namun demikian, bahasa Iban masih mempunyai kosa kata yang tersendiri sebagai lambang kejatian dan ketulenan bahasa ini, untuk disesuaikan dengan cara dan corak hidup mereka seharian. Perkara sebeginilah yang membezakan bahasa Iban daripada bahasa-bahasa lain, meskipun bahasa yang serumpun dengannya.

1.3 Pelaksanaan Pendidikan Bahasa Iban di Sarawak

Bahasa Iban telah digunakan di sekolah di Sarawak sejak tertubuhnya sekolah pertama di kawasan pedalaman yang didiami oleh penduduk Iban semasa pemerintah Brooke. Sekolah-sekolah mula didirikan oleh mubaligh-mubaligh Kristian di beberapa tempat di Sarawak seperti sekolah St. Thomas Kuching (1848) dan sekolah Cina di Bau (1864). Sekolah St. Paul, Banting (1853) ialah sekolah yang pertama ditubuhkan di kawasan penempatan Iban supaya dapat membawa kemajuan kepada masyarakat Iban setempat dan yang tinggal berhampiran kawasan tersebut. Di Sekolah St. Paul, Banting (1853), bahasa Iban pertama sekali digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, diikuti oleh sekolah-sekolah mubaligh yang lain seperti St. Francis Xavier, Kanowit (1884), St. Luke, Simanggang (1893), St. Augustine, Betong (1920), St. Margaret, Betong (1922), St. Peter, Saratok (1925), St. Paul, Roban (1925) dan St. Christopher, Debak (1925). Pada masa itu, bahasa Iban digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bersama-sama dengan bahasa Inggeris dalam kelas “*Beginners 1*” dan “*Beginners 2*”, iaitu pada tahun pertama dan tahun kedua persekolahan. Mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Iban ialah *arithmetic*, *hygeine*, *bible knowledge* dan *general knowledge*. Pada tahun ketiga persekolahan dan seterusnya, iaitu Standard Satu hingga Standard Enam, baharulah





proses pengajaran dan pembelajaran sepenuhnya dalam bahasa Inggeris.

Bertitik tolak daripada itulah, bahasa Iban terus berkembang agar selari dengan arus pemodenan yang berlaku di sekitarnya. Sejak zaman pemerintahan Raja Brooke hinggalah ke hari ini, bahasa Iban telah melalui proses perkembangannya hampir 200 tahun. Bermula daripada satu bahasa yang digunakan sebagai bahasa pengantar di peringkat dasar kemudian sebagai bahasa vernakular di sekolah mubaligh Kristian, kini bahasa Iban telah diluluskan untuk diajar sebagai mata pelajaran Bahasa Tambahan di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan, di universiti dan di Institut Pendidikan Guru. Mata pelajaran Bahasa Iban telah diuji dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pada tahun 2008, mata pelajaran Bahasa Iban telah menjadi salah satu mata pelajaran yang diuji dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pada Julai 2010, Bahasa Iban telah diluluskan dan mula diajar kepada mahasiswa di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), manakala dalam bulan Jun 2011, seramai 24 orang pelajar untuk ambilan pertama Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (Sekolah Rendah) pengkhususan Bahasa Iban di Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang telah dilaksanakan. Sejarah perkembangan bahasa Iban di sekolah boleh dikatakan telah melalui empat zaman atau era, iaitu bermula pada era pemerintah Brooke, disusuli dengan era pemerintahan kolonial British, era peralihan ke sistem pendidikan kebangsaan dan akhir sekali era pasca Akta Pendidikan 1996.

Justeru, berdasarkan senario tersebut, dapatlah pengkaji simpulkan bahawa bahasa Iban secara formalnya telahpun menerima pengaruh bahasa lain sejak hampir 200 tahun yang lalu. Senario ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Iban di

